

Elemen Eko Kritik Dalam Puisi “Permintaan Alam” Karya A. Halim Ali *Eco Critic Elements in The Poem of `Permintaan Alam` by A. Halim Ali*

Kamarul bin Ismail
kamarul.ismail@fsk.upsi.edu.my
Jabatan Geografi dan Alam Sekitar
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Mazdi Marzuki
mazdi@fsk.upsi.edu.my
Jabatan Geografi dan Alam Sekitar
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Nur Aina Zulaikha Kamarul
S72464@ocean.umt.edu.my
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
Universiti Malaysia Terengganu

Received: 3 October 2023; Published: 17 December 2023

Cite this article (APA) as:

Ismail, K., Marzuki, M., & Kamarul, N. A. Z. (2023). Elemen Eko Kritik Dalam Puisi “Permintaan Alam” Karya A. Halim Ali. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(2), 14 - 22.
Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/179>

ABSTRAK

Manusia dan alam sekitar sentiasa berinteraksi antara satu dengan yang lain. Aktiviti manusia yang berlaku secara seimbang mampu mengekalkan kelestarian alam. Namun begitu, sekiranya aktiviti manusia berlaku secara tidak terkawal akan meyebabkan berlaku kemusnahan secara besar-besaran terhadap alam ini. Justeru kajian mengupas dan menganalisis elemen-elemen eko kritik yang terdapat dalam puisi “Permintaan Alam” karya A. Halim Ali. Puisi ini dimuatkan dalam antologi puisi “Permintaan Alam” yang merupakan kumpulan puisi sulung penyair yang diterbitkan pada tahun 2000. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan untuk mengenal pasti elemen-elemen eko kritik dalam puisi yang dipilih. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat tema utama eko kritik dalam puisi ini, iaitu kesan pemanasan global dan perubahan iklim, kemusnahan kepelbagaian biodiversiti, kemusnahan ekosistem lautan dan kemusnahan habitat flora dan fauna akibat proses pembangunan dan aktiviti perindustrian yang tidak terkawal. Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya elemen kritikan, kebimbangan dan keprihatinan penyair terhadap isu alam sekitar yang disuarakan melalui penggunaan metafora, simbolisme dan perlambangan. Dalam puisi ini, penyair menyuarakan kebimbangan dan kritikan dengan menggunakan perlambangan permohonan daripada alam agar manusia menyediakan semula makanan, menggantikan tumbuh-tumbuhan dan mengembalikan habitat flora dan fauna yang telah mengalami kemusnahan akibat aktiviti manusia yang tidak terkawal. Secara keseluruhannya, kajian telah berjaya membuktikan terdapat suntikan eko kritik dalam genre puisi Melayu yang selama ini lebih dikaitkan dengan ciri-ciri estetika. Hasil kajian diharap dapat memperkayakan korpus ilmu dalam bidang kajian eko kritik sastera tempatan.

Kata Kunci: Alam, elemen Eko Kritik, pemanasan global, perlambangan, metafora

ABSTRACT

The dynamic interaction between humans and the environment is perpetual. The sustainability of nature relies on maintaining a balance in human activities. However, unchecked human activities can result in profound environmental destruction. Consequently, a research endeavor was undertaken to dissect the eco-critical components embedded in A. Halim Ali's poem "Permintaan Alam." This poetic work is featured in the anthology "Permintaan Alam," representing the poet's inaugural collection released in 2000. Employing a qualitative design, the study utilized a content analysis approach to unearth the eco-critical elements present in the chosen poem. The study's findings unveiled four primary eco-critical themes within this poem: the impacts of global warming and climate change, the devastation of biodiversity, the deterioration of ocean ecosystems, and the ruin of habitats for flora and fauna due to unregulated urbanization and industrial pursuits. Additionally, the research illuminated expressions of criticism, concern, and the poet's apprehension regarding environmental issues conveyed through metaphors, symbolism, and allegories. Within the verses of "Permintaan Alam," the poet articulates worries and critiques, employing the allegorical plea from nature for humans to once again provide sustenance, replace plant life, and restore habitats for flora and fauna that have succumbed to uncontrolled human activities. In essence, the study convincingly demonstrates the infusion of eco-critical elements into Malay poetry genres that have traditionally been associated with aesthetic qualities. The outcomes of the study are poised to enhance the body of knowledge in the realm of local literary eco-critical studies.

Keywords: Environment, Ecocritic Elements, Global warming, symbolism, Methafor

PENGENALAN

Manusia dan alam sekitar sentiasa berinteraksi antara satu dengan yang lain. Hubungan manusia dengan alam persekitaran serta unsur-unsur di dalamnya adalah rapat dan tidak boleh dipisahkan. Malahan, manusia itu sendiri merupakan sebahagian daripada alam keseluruhannya yang bertindak sebagai pentadbir alam sekeliling. Ini sesuai dengan keistimewaan manusia yang dikurniakan akal yang waras untuk mentadbir alam ini dengan adil dan memikul tanggungjawab dengan penuh amanah. Tugas manusia di dunia ini menurut Zahari Mahad Musa (2010) terbahagi kepada dua, iaitu menjadi hamba yang taat dan khalifah yang adil. Perkaitan antara kedua-dua tugas ini adalah seiring dan tidak boleh dipisahkan. Tugas manusia sebagai khalifah adalah sebagai pemegang amanah untuk memakmurkan dunia ini tanpa mengabaikan keperluan untuk oleh generasi akan datang. Ini bermakna, kesinambungan tugas khalifah bukan terbatas kepada satu generasi atau kumpulan tertentu sahaja, tetapi ia adalah tanggungjawab yang berterusan. Oleh itu, dua peranan utama manusia dijadikan di muka bumi ini secara tidak langsung menuntut mereka untuk lebih prihatin kepada alam sekelilingnya. Alam sekitar perlu diurus tadbirkan dalam keadaan yang betul demi keselamatan manusia itu sendiri serta keseimbangan makhluk-makhluk tuhan yang lain. Ia juga dianggap amanah Allah S.W.T untuk dipelihara, dijaga dan dikawal daripada sebarang bentuk penyelewengan.

Alam menurut Mohd Saberi dan Mas Rynna Wati (2019) menjadi inspirasi dan sebahagian daripada kehidupan seniman. Menghayati kepelbagaian makhluk dan hidupan yang terdapat di alam ini, menimbulkan ransangan, motivasi, ilham sebagai asas untuk menghasilkan karya. Rasa kecintaan kepada alam, khususnya alam semulajadi merupakan satu naluri asas yang terdapat dalam diri manusia. Untuk menzahirkan kecintaan ini, pelbagai kaedah yang dibuat oleh seniman dan masyarakat seperti kempen pemuliharaan alam sekitar, khidmat masyarakat dan penulisan karya kreatif seperti cerpen serta puisi bertemakan alam sekitar. Penulisan karya kreatif sebagai contoh, bertujuan untuk menyampaikan pengajaran, dakwah dan pesan kepada pembaca.

Salah seorang penyair tanah air yang banyak menggunakan pendekatan eko kritik dalam penulisan ialah Abdul Halim Ali atau nama penanya A. Halim Ali. Gambaran eko kritik dapat dilihat dalam kumpulan puisi beliau berjudul *Permintaan Alam* (2000). Selian kumpulan puisi *Permintaan Alam*, A. Halim Ali juga pernah menghasilkan kumpulan puisi *Citra Kehidupan* (2005) yang juga banyak memuatkan elemen eko kritik. Bagi tujuan kajian ini, Tumpuan diberikan kepada kumpulan puisi *Permintaan Alam* yang belum pernah dikaji dari sudut eko kritik.

LATAR BELAKANG A. HALIM ALI

A. Halim Ali lahir pada 27 April 1964 dan berasal dari Merchang Terengganu serta berkelulusan ijazah doktor falsafah dalam bidang teori sastera. Sebelum menyertai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), A. Halim Ali pernah bertugas sebagai guru di beberapa buah sekolah di negeri Sarawak, Terengganu dan Pahang. Kini beliau merupakan Profesor di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.

A. Halim banyak menghasilkan karya puisi dan kritikan sastera. Karya puisi dan kritikan beliau banyak tersiar dalam majalah *Dewan Sastera*, *Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)*, pelbagai jurnal dan akhbar-akhbar tempatan. Beliau juga adalah pengulas tetap ruangan ulasan sajak majalah *Tunas Cipta*, DBP pada tahun 2008- 2011. Dalam persatuan beliau menganggotai Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) sebagai ahli jawatankuasa, Presiden Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) dan Presiden Pertubuhan Ahli Akademik dan Profesional Anak Terengganu (PERAPAT). Dalam pentadbiran, Abdul Halim pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Timbalan Dekan Pengurusan dan Penyelidikan Fakulti Bahasa, Felo Penyelidik Institut Peradaban Melayu, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, 2011 hingga 2017 dan Pengarah Pusat Ulul Albab, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2019-2022. A. Halim Ali pernah dilantik sebagai sebagai Pensyarah Pelawat di Faculty of Education, Fatoni University of Thailand (2018), Profesor Pelawat di Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia (2021-2022), Profesor Adjung di Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan Malaysia (2020-2024). A. Halim Ali juga merupakan ahli Jawatankuasa Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) Malaysia, 2023-2025.

Dalam buku *Proses kreatif: Model dan Pengalaman Penyair (2022)* ada menyebutkan penglibatan A. Halim Ali dalam bidang penulisan. Di antara karya puisi beliau yang diterbitkan ialah kumpulan puisi *Permintaan Alam (2000)*, *Citra Kehidupan (2005)* dan *Melihat ke dalam Diri (2015)*. Beliau turut menyelenggarakan beberapa antologi puisi seperti *Balada Suluh Budiman (2002)*, *Meraut Air Limpah (2006)*, *Wahai Api Jadilah Embun Jadilah Dingin (2005)*, *Dalam Redup Wajah Ibu (2008)*, *Unggun Kebahagiaan (2011)*, *Api dan Air Mata Rohingya (2012)* dan *Simpanlah dalam Ingatanmu (2012)*, *Pilar-pilar Waiduri (2012)*, dan *Kuibarlat Lilin II (2014)* dan *Puisi Kemanusiaan PALU (2018)*. Selain karya kreatif, A. Halim juga telah menghasilkan banyak buku akademik, artikel jurnal dan makalah persidangan.

METODOLOGI

Kajian tentang hubungan antara alam sekitar dengan penulisan puisi menurut Hamoud Yahya dan Ruzy Suliza (2012) merupakan suatu bidang kajian baharu dalam genre kritikan sastera moden. Kajian ini menarik perhatian ramai pengkritik kerana ia kajian memberi fokus kepada kesan hubungan antara manusia dengan alam sekeliling mereka. Pendekatan ini membolehkan penyair menyampaikan mesej tentang kemusnahan alam secara lebih menyeluruh. Penerapan mesej tentang keperluan untuk memulihara dan menjaga kelestarian alam sekitar dalam karya sastera ini menggunakan pendekatan kritikan eko.

Penulisan karya sastera dalam bentuk kritikan eko muncul sekitar pertengahan tahun 1990-an apabila Glotfelty & Fromm (1996) menulis buku bertajuk *The Ecocriticism Reader* dan *The Environmental Imagination* yang ditulis oleh Buell (1996) pada tahun yang sama. Namun begitu, istilah *ecocriticism* sebenarnya telah mula digunakan oleh Rueckert (1978) melalui tulisannya yang bertajuk *Literature and Ecology: An Experiment in Ecocriticism*. Secara umum konsep kritikan eko menurut pandangan Glotfelty & Fromm (1996) adalah kajian hubungan antara sastera dan persekitaran fizikal yang berperanan menyiasat hubungan antara manusia dengan alam semula jadi dalam sesebuah teks sastera. Salah satu matlamat utama dalam kritikan eko adalah untuk mengkaji bagaimana seseorang individu dalam masyarakat berkelakuan serta bertindak balas tentang alam semula jadi dan aspek ekologi (Dilah Tuah, 2022).

Menurut Mohd Saberi & Mas Rynna Wati (2019), interaksi alam semula jadi bersifat holistik, ia bukan sahaja melibatkan hubungan manusia dengan alam semata-mata, tetapi meliputi seluruh kehidupan lain yang saling melengkapi dalam ekosistem setempat. Penelitian terhadap eko sistem

wujud hasil daripada saling tindakan antara komponen-komponen hidup dan bukan hidup merupakan satu salah satu cabang ekologi yang disebut sebagai ekologi manusia. Sebagai contoh, kegiatan tebus guna tanah untuk pembangunan yang tidak terkawal akan memberi kesan kepada alam sekitar seperti pencemaran sungai, banjir lumpur dan bahang panas yang meningkat yang sudah tentu menggugat kesejahteraan kehidupan.

Justeru puisi yang menggunakan pendekatan ekologi menurut Mohd Saberi & Mas Rynna Wati (2019) juga dianggap sebagai puisi alam atau puisi hijau yang mengangkat tema mengenai kondisi lingkungan atau alam itu sendiri. Melalui penciptaan karya puisi yang eksplisit dan implisit, seorang penyair ingin 'mengingatkan' pembaca tentang kepentingan melestarikan dan melindungi lingkungan sebagai satu rangkaian ekosistem. Dengan kata lain, matlamat penyair adalah memberikan motivasi serta menanam kesedaran tentang kepentingan khazanah alam yang menjadi sebahagian dari kehidupan masyarakat.

KUMPULAN PUISI PERMINTAAN ALAM

Kumpulan puisi *Permintaan Alam* (2000) yang merupakan buku kumpulan puisi pertama A. Halim Ali. Kumpulan puisi ini setebal 96 halaman, memuatkan sejumlah 82 buah sajak, diterbitkan oleh Diwangsa Publication & Distributors Bandar Baru Selayang Selangor Darul Ehsan. Menurut Norazimah Zakaria (2018) dan A. Wahab Ali (2004), kemampuan penyair baharu seperti A. Halim ini menerbitkan kumpulan puisi merupakan kejayaan besar kerana ada penyair yang lebih lama berkecimpung dalam bidang ini masih belum mampu membukukan sajaknya. Menurut A. Wahab Ali (2004) lagi, penyair A. Halim Ali mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak dimiliki oleh penyair lain. Antaranya ialah beliau sangat mahir dalam memindahkan bahasa prosa menjadi bahasa puisi. A. Halim Ali sangat menguasai bahasa puisi sehinggakan isu yang biasa dalam kehidupan seharian dapat dipuisikannya dengan begitu berkesan.

Menurut Norazimah Zakaria (2018) juga antologi *Permintaan Alam* dibahagikan kepada lima kelompok oleh A. Wahab Ali. Pengelompokan itu ialah renungan, nasionalisme, kritik sosial, puisi kepada tokoh, serta seruan dan moral. A. Halim tidak membahagikan puisinya mengikut tema tertentu seperti kebiasaan yang dilakukan oleh para penyair lain, sebaliknya A. Halim Ali membiarkan antologinya ini lepas bebas, dan membiar sahaja pembaca menikmatinya mengikut kesedaran mereka. Salah satu daripada puisi dalam antologi ini ialah puisi *Permintaan Alam* itu sendiri yang diangkat sebagai tajuk utama antologi yang memberi gambaran bahawa puisi tersebut sangat signifikan dalam karya A. Halim Ali. Menurut A. Wahab Ali lagi, Halim cukup menguasai bahasa puisi, sehingga isu yang biasa dalam kehidupan seharian kita dapat dipuisikannya dengan begitu berkesan.

Selain A. Wahab Ali, beberapa orang pengkaji lain seperti Mohd Rosli Saludin (2001) juga pernah mengkaji kumpulan puisi *Permintaan Alam*. Kajian oleh Mohd Rosli Saludin tertumpu kepada aspek bahasa. Menurut Rosli, sajak-sajak yang termuat dalam kumpulan puisi *Permintaan Alam* sarat dengan perjuangan bahasa serta kritikan halus kepada pihak-pihak yang memandang rendah terhadap bahasa Melayu.

Justeru, artikel ini akan menyoroti mesej berkaitan dengan alam sekitar yang cuba disampaikan oleh penyair tanah air A. Halim Ali melalui sajak bertajuk "Permintaan Alam" yang termuat dalam kumpulan puisi *Permintaan Alam* yang diterbitkan pada tahun 2000. Antologi ini mengandungi 82 puisi karya A. Halim Ali yang memberikan mesej kepada pembaca daripada pelbagai sudut pandangan termasuklah mesej eko kritik melalui puisi ini.

Istilah permintaan, menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2007) berasal dari kata dasar 'minta' yang membawa maksud memohon untuk mendapatkan sesuatu atau menyatakan mahukan sesuatu. Istilah ini dalam kehidupan seharian manusia adalah perkara biasa kerana manusia adalah makhluk sosial yang tidak boleh berdiri sendiri. Manusia memerlukan bantuan daripada manusia lain untuk membolehkan mereka menjalani kehidupan sempurna. Ini sesuai dengan kisah penciptaan manusia pertama Nabi Adam a.s. yang memiliki segala-galanya di syurga. Baginda boleh mengambil dan menikmati apa sahaja yang ada di dalamnya. Namun begitu, nabi Adam a.s. sentiasa berasa kesepian dan memerlukan peneman untuk meneruskan hidup seharian sehinggalah Allah s.w.t menciptakan Hawa dari tulang rusuk nabi Adam a.s. ketika baginda sedang tidur.

Namun begitu, dalam konteks puisi A. Halim Ali ini, permintaan yang dibuat itu bukan dari manusia, tetapi permintaan daripada alam. Ini merupakan kelebihan A. Halim Ali dalam memanusikan alam menerusi gaya bahasa personifikasi dengan membawa mesej yang sangat besar. Secara logiknya, alam berfungsi sebagai pelengkap kepada kehidupan manusia, alam membekalkan semua keperluan asas manusia seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan sumber-sumber alam yang lain untuk kesejahteraan manusia. Permintaan alam dalam konteks yang lebih luas merujuk kepada keperluan mengekalkan keseimbangan ekologi yang merupakan intipati eko kritik dalam keseluruhan puisi tersebut.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Perubahan Cuaca Dan Iklim

Elemen eko kritik tentang pemanasan global ini dijelaskan oleh penyair dalam rangkap pertama sajak `Permintaan Alam`. A. Halim Ali menyebutkan:

Sediakan rumah kehidupan untukku
lengkap dengan *air-condition*,
akan kudinginkan ubun penghuniku yang kian panas
dan puncak pasak yang kian terdedah. (baris 1-4)

Dalam rangkap di atas, penyair dengan jelas cuba menyampaikan mesej kepentingan menjaga keseimbangan ekosistem dan keinginan untuk memiliki alam semulajadi yang kekal harmoni di mana manusia dan alam hidup berdampingan secara seimbang. Permintaan alam supaya manusia menyediakan rumah kehidupan juga membawa harapan yang besar supaya manusia tidak sewenang-wenangnya merosakkan alam sekitar mereka. Manakala dalam baris kedua pula, penyair menyebut alam meminta penyaman udara yang dilihat dalam konteks ekologi sebagai keinginan untuk menjaga suhu persekitaran dan iklim secara keseluruhan agar tetap stabil. Aktiviti manusia di permukaan bumi seperti penebangan hutan secara berleluasa, pencemaran air dan udara serta aktiviti pengangkutan yang melepaskan gas karbon dioksida, debu dan pencemaran yang lainnya menyebabkan berlaku pemanasan global. Masalah-masalah ini menyebabkan fungsi alam untuk memberi kesejahteraan kepada manusia semakin berkurangan dan seterusnya mendatangkan masalah kepada hidup manusia itu sendiri.

Ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Arshad Ali *et al.*, (2014) yang menjelaskan bahawa suhu dunia akan meningkat antara 1.4 –5.8°C menjelang tahun 2100. Kajian yang dijalankan oleh empat badan bebas mendapati suhu tertinggi dunia direkodkan pada tahun 2000 hingga 2009. Manakala sejak tahun 1750 terdapat corak peningkatan sebanyak 31 peratus kandungan karbon dioksida di ruang atmosfera dunia. Masalah ini diburukkan lagi dengan penggunaan kenderaan bermotor yang menggunakan bahan api fosil dan penebangan hutan yang tidak terkawal. Malahan hutan hujan Amazon yang menampung kepelbagaian biodiversiti dunia juga sedang menghadapi masalah penyahutan yang sangat pesat. Oliveira *et al.*, (2021) menjelaskan bahawa kesan penebangan hutan yang berleluasa di Amazon telah menyebabkan berlaku perubahan cuaca setempat yang akhirnya membawa kepada masalah perubahan iklim yang melampau. Kesan penebangan hutan ini menyebabkan pengurangan jumlah hujan sehingga 60 peratus dan seterusnya meningkatkan suhu setempat sehingga dua darjah celsius. Perubahan cuaca dan iklim akibat daripada pembalakan secara berleluasa ini menyebabkan bahangan bumi meningkat yang akhirnya memberi kesan kepada adaptasi manusia, masalah untuk menjalankan aktiviti seharian dan kesejahteraan beriadah serta bersukan.

Eko Kritik: Kemusnahan Kepelbagaian Biodiversiti

Seterusnya dalam rangkap kedua, A. Halim Ali menyampaikan permintaannya seperti berikut:

Sediakan untukku hidangan makanan baru, sebagai ganti,
pucuk paku, umbut, dan rumpai laut

yang terbakar dari api kemarahanmu
yang merubah keaslian wajahku
menjadi padang berbatu. (baris 5-9)

Eko kritik dalam rangkap puisi ini penyair cuba menyampaikan pesan kepada manusia tentang kepupusan sumber flora dan fauna yang mengajak pembaca tentang perlunya mengekalkan ekosistem dan kepelbagaian biodiversiti yang wujud di alam ini. Penggunaan flora pucuk paku, umbut dan rumpai laut merupakan sumber alam yang sering ditemui dalam ekosistem yang utuh dan menjadi sebahagian daripada makanan tradisi masyarakat setempat. Rangkai kata “api kemarahanmu” pula merujuk kepada kemusnahan dan kerosakan yang berlaku disebabkan oleh tindakan manusia yang gagal memahami pentingnya mengekalkan kelestarian alam.

Secara keseluruhan, dalam rangkap ini penyair menyeru pembaca untuk menghargai dan menjaga keharmonian alam. Selain itu penyair juga mengingatkan pembaca tentang kesan negatif pembukaan hutan untuk aktiviti pembinaan dan perbandaran yang memusnahkan keseimbangan ekosistem. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Theodorou (2022) bahawa aktiviti pembinaan petempatan dan proses perbandaran memberi kesan negatif kepada ekosistem setempat. Proses pembukaan hutan untuk aktiviti ini menyebabkan kemusnahan habitat semulajadi, meningkatkan luas permukaan yang terdedah dan dalam jangka masa panjang menyebabkan berlaku pulau haba, pencemaran air, udara, pencemaran cahaya dan kemasukan spesis dari kawasan lain. Theodorou (2022) juga menyatakan bahawa perubahan ekosistem semulajadi kepada ekosistem buatan manusia ini menyebabkan hidupan biotik dan abiotik tidak mampu untuk menyesuaikan diri yang akhirnya menyebabkan spesis-spesis berharga ini mengalami kepupusan.

Eko Kritik: Kemusnahan Ekosistem Lautan

Dalam rangkap ketiga, A. Halim Ali menukilkan permintaannya:

Sediakan oksigen untukku
dan sebuah kolam air masin
sebagai tempat selayang menyambung nafas
setelah rumah kehidupannya
dilanda tumpahan minyak
yang menukarkan wajah biru air laut menjadi hitam
dataran pantai menjadi tanah perkuburan
dan karang-karang menjadi batu nisan. (baris 10-17)

Dalam rangkap ini, penyair menggambarkan keadaan kemusnahan ekosistem disebabkan oleh aktiviti manusia. Permintaan alam untuk manusia menyediakan oksigen mencerminkan keadaan pencemaran yang begitu parah yang menyebabkan hidupan laut sukar untuk menjalani kehidupan. Metafora kolam air masin dan selayang menyambung nafas meneguhkan suasana dan kepentingan menjaga kelestarian habitat serta ekosistem pinggir pantai yang tercemar akibat tumpahan minyak. Puisi ini juga menggambarkan peristiwa tragis air laut berubah menjadi hitam yang membayangkan ketakutan hidupan laut dan dikukuhkan dengan gambaran dataran pantai yang dulunya hidup, kini berubah menjadi "tanah perkuburan". Gambaran secara dramatis kesan negatif yang dialami oleh habitat dan ekosistem lautan seperti kemusnahan karang-karang menunjukkan keadaan persekitaran yang semakin tercemar akibat tindakan manusia. Jelaslah disini bahawa perenggan ini bukan sahaja merupakan eko kritik terhadap kemusnahan habitat, tetapi penyair juga dengan bijak dan penuh tanggungjawab memasukkan seruan untuk manusia sama-sama menjaga kelestarian dan keharmonian alam. Ia juga menjadi wada untuk membangkitkan kesedaran membangkitkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kelestarian dan kepelbagaian biodiversiti lautan dengan membangkitkan kebimbangan yang mendalam terhadap kerosakan yang telah berlaku.

Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Maizatun Mustafa dan Mariani Ariffin (2011) yang melihat aktiviti perkapalan yang sangat pesat di Selat Melaka. Menurut mereka, Selat Melaka adalah kawasan yang paling mudah terdedah kepada masalah pencemaran marin atau lautan.

Punca utama pencemaran ini adalah disebabkan oleh aktiviti perkapalan yang sangat sibuk di laluan tersebut. Pada tahun 2010 sahaja, lebih daripada 75,000 buah kapal telah melalui Selat Melaka, oleh itu pembuangan sisa dari kapal seperti kerja-kerja pembersihan tangki, pembuangan air dari dasar kapal, dan pengisian bahan bakar adalah aktiviti yang paling signifikan menyumbang kepada peningkatan kandungan minyak dan gris dalam laut. Masalah ini diburukkan lagi dengan peningkatan jumlah trafik akibat daripada meningkatnya arah aliran perdagangan dunia. Keadaan ini menyebabkan risiko kemalangan kapal semakin meningkat dan secara tidak langsung menyebabkan berlakunya pencemaran marin. Secara semulajadi, minyak adalah toksik kepada hidupan laut. Tumpahan minyak yang sampai ke pinggir pantai akan berinteraksi dengan sedimen, tumbuhan laut dan secara tidak langsung memberi kesan kepada keseluruhan ekosistem berkaitan. Tumpahan minyak boleh kekal selama bertahun-tahun dalam mendapan sedimen dan persekitaran marin yang akhirnya membawa kesan jangka panjang kepada hidupan laut.

Eko Kritik: Kemusnahan Habitat Flora Dan Fauna

Pada rangkap keempat, A. Halim Ali terus meminta bagi pihak alam:

Sediakan untukku taman rimba
seperti sifat semulajadinya
warnakan lukisan hijau pada wajahku
warna biru di sebalik seriku
dan warna putih di dalam budiku,
sebagai pampasan tumbuhnya hutan-hutan batu
yang kau tanamkan atas nama pembangunan.
sediakan untukku,
ranting-ranting dan dahan
juntaikan ke anjung alam
agar mudah merbah menyimpan lelah
pada hujung-hujung petang, setelah
kehilangan rumah-rumah persinggahan
yang runtuh dilanda jentera pembangunan. (18-31)

Dalam rangkap ini, penyair cuba mengetengahkan eko kritikan terhadap kehilangan litupan hutan akibat kerakusan aktiviti pembangunan. Secara khususnya, alam meminta manusia mengembalikan taman rimba yang mencerminkan keaslian dan keindahan semula jadi. Permintaan ini menunjukkan harapan penyair untuk memiliki persekitaran yang indah, menikmati ketenangan dan kecantikan alam yang jauh dari kerosakan disebabkan oleh penggunaan jentera moden bagi tujuan pembinaan bangunan, perumahan dan aktiviti perniagaan. Penyair juga dengan bijak menggunakan pemilihan warna seperti hijau, biru, dan putih yang menjadi perlambangan keindahan asli yang dimiliki. Sebagai contoh, warna hijau adalah perlambangan kepada keindahan warna alam yang mewakili hutan rimba dan peohonan, manakala warna biru pula merupakan perlambangan kepada latar belakang langit yang memberi ketenangan kepada jiwa yang memberontak. Manakala warna putih pula merupakan perlambangan kepada ketulusan budi dan kasih sayang yang diberikan oleh alam untuk manfaat manusia tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Namun begitu, dalam rangkap puisi ini penyair juga turut menyuarakan keprihatinan terhadap kesan pembangunan yang memusnahkan keaslian flora semulajadi dengan menggantikan tumbuhan-tumbuhan ini dengan "hutan-hutan batu." Metafora ini menunjukkan pengetahuan penyair tentang kehilangan nilai-nilai alam semulajadi akibat daripada kegiatan pembangunan yang tidak terkawal. Begitu juga dengan rangkap seterusnya yang memperlihatkan alam membuat permintaan supaya manusia menyediakan elemen-elemen alam seperti ranting dan dahan untuk kesejahteraan hidup fauna seperti unggas dan mergastua. Dalam rangkap ini, penyair menggunakan anjung alam sebagai simbol ketenangan, tempat yang indah dan tempat melepaskan lelah setelah menjalani rutin kehidupan sepanjang hari.

Penyair juga turut mencerminkan keprihatinan terhadap kesan kemusnahan akibat aktiviti pembangunan yang dilakukan oleh manusia. Musnahnya kehijauan hutan, kehilangan dan kepupusan flora dan fauna menunjukkan qpertentangan antara keinginan untuk mengekalkan keindahan alam dan kerosakan besar-besaran yang dilakukan oleh manusia. Dalam konteks yang lebih luas, puisi ini secara keseluruhan selain menimbulkan elemen eko kritikan, juga merupakan seruan untuk menjaga dan menghormati alam serta menilai baik atau buruk kesan daripada kerakusan manusia membuat kerosakan terhadap keindahan alam.

Rangkap kelima, A. Halim Ali menyebutkan:

ini permintaan untuk kau tunaikan
ganti duniaku yang kehilangan seri
ganti hayatku yang kian terhimpit dan
ganti nilai keaslianku
yang dikikis sikap pentingkan diri
inilah aku, alam semulajadi yang kehilangan seri
hilang diri dan hilang identity (baris 32-38)

Rangkap terakhir ini merupakan rumusan kepada keseluruhan puisi “Permintaan Alam” yang dihasilkan oleh A. Halim Ali yang cuba membawa pembaca untuk bersama-sama merenung dan berfikir secara kritis apa yang cuba disampaikan oleh penyair. Secara umum rangkap ini memerlukan pembaca menganalisis kedalaman makna dan permintaan alam dengan menekankan kepada aspek “kehilangan seri”, “kian terhimpit” dan “sikap pentingkan diri sendiri” yang akhirnya manusia sendiri terkesan akibat kehilangan khazanah alam yang berharga. Selain itu penyair juga menekankan penggunaan istilah "ganti duniaku," "ganti hayatku," dan "ganti nilai keaslianku" yang memerlukan pembaca membuat sintesis tentang hubungan elemen permintaan dan emosi untuk menimbulkan sebuah kesatuan yang kohesif.

RUMUSAN

Selain daripada menerapkan elemen kreativiti dengan menunjukkan ekspresi keinginan dan perasaan dengan menggunakan metafora dan simbolis untuk menyampaikan mesej secara lebih mendalam, penyair juga menyeru pembaca untuk menggunakan pendekatan secara holistik yang memungkinkan proses pemeliharaan dan pemuliharaan harus meliputi semua aspek kehidupan. Jelaslah di sini bahawa puisi “Permintaan Alam” karya A. Halim Ali bukan sahaja mengandungi elemen eko kritik terhadap perubahan cuaca dan iklim, kehilangan kepelbagaian biodiversiti, kemusnahan ekosistem lautan serta kepupusan flora dan fauna, tetapi puisi ini juga sarat dengan penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi bagi memenuhi permintaan alam yang sudah sekian lama tenat akibat kerakusan nafsu manusia.

RUJUKAN

- A.Halim Ali (2022) *Proses Kreatif: Model dan Pengalaman Penyair*. Tanjong Malim: Penerbit Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul Halim Ali (2000). *Permintaan Alam*, Diwangsa Publication & Disrtibutors, Batu Caves, Selangor
- Abdul Halim Ali (2003). *Bingkisan Sastera*. Diwangsa Publication & Disrtibutors, Batu Caves, Selangor
- Ali, A. H. (2011). Sajak "Pulang Si Tenggang" Dalam Perspektif Historisisme Bard: The Poem of "Si Tenggang Homecoming" From The New Historicism’s Perspective. *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*, 22(1), 1–17. Retrieved From [Https://jati.um.edu.my/index.php/jpm/article/view/9647](https://jati.um.edu.my/index.php/jpm/article/view/9647)

- Arshad Ali, Somana Riaz dan Shahid Iqbal (2014). *Deforestation and its Impacts on Climate Change an Overview of Pakistan*. Global Change, 21.
- A.Wahab Ali (2004). *Kesusasteraan Melayu Moden dalam Kajian dan Kritikan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim
- Bado, A., Abdul, A. H., & Ali, A. H. (2018). Unsur-unsur Akidah dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa: Elements of Aqidah in an Anthology of Taman Takwa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 58–70. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol13.5.2018>
- Buell, L. (1996). *The Environmental Imagination: Thoreau, Nature Writing, and the Formation of American Culture*. Harvard University Press.
- Dilah Tuah (2022). Api Macam Matahari dan Bulan: Satu Analisis Kritikan Eko. *Utusan Borneo* 22 Februari 2022
- Glotfelty, C. dan Fromm, H. (1996). *The ecocriticism reader: landmarks in literary ecology*. Athens: University of Georgia Press
- Hamoud Yahya dan Ruzy Suliza (2012). An Ecocritical Reading of Selected Poems of Muhammad Haji Salleh. *Malay Literature*, [S.l.], v. 25, n. 1, p. 1-17.
- Kamus Dewan*. Edisi keempat (2007) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2019). `Eko-kritik dalam puisi Melayu`. *Akademika*, 89 (1). pp. 29-39.
- Maizatun Mustafa dan Mariani Ariffin (2011). Protection of Marine Biodiversity from Pollution: Legal Strategies in Malaysia. *International Journal of Bioscience, Biochemistry and Bioinformatics*, Vol. 1, No. 4
- Norazimah Zakaria (2018). Daripada Introspeksi Diri Kepada Naratif Merentasi Zaman Dan Sempadan Dalam Karya A. Halim Ali. *Jurnal Melayu*, Bil. 17(2).
- Oliveira, B, Bottino, M. dan Nobre, P. (2021). Deforestation and climate change are projected to increase heat stress risk in the Brazilian Amazon. *Commun Earth Environ*. 2021. Vol. 2(1).
- Rueckert, W. (1978). Literature and Ecology: An Experiment in Ecocriticism. *In Iowa Review* 9, no. 1 (1978): 71-86.
- Theodorou, P (2022). The effects of urbanisation on ecological interactions. *Current Opinion in Insect Science*, Volume 52
- Zahari Mahad Musa (2010). Fiqh Al-Bi'ah: Prinsip Interaksi Manusia Dengan Alam Persekitaran, *Jurnal Syariah* Vol. 18 No. 1.